

2,000 tan sampah dikutip di sungai setiap bulan

KUALA LUMPUR 18 Julai – Purata 1,887 tan sampah terpaksa dikutip dari perangkap-perangkap sampah di 12 sungai di seluruh negara setiap bulan dengan 990 tan daripadanya adalah di Selangor dan ibu negara.

Pengarah Pengurusan Lembangan Sungai dan Zon Pantai, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ong Siew Heng berkata, keadaan ini sangat merugikan negara kerana ia menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan RM150 juta untuk memulihara dan merawat sungai.

“Bayangkanlah betapa tingginya timbunan sampah yang kita kutip jika dikumpulkan setiap bulan atau tahun, pasti boleh jadi bukit atau gunung sampah. Ini sangat menyedihkan dan berbahaya kepada habitat sungai dan manusia.

“Di sesetengah sungai, sampah terlalu banyak. Kita boleh nampak dari atas tebing seolah-olah ia permukaan

hitam yang boleh dijadikan tempat orang berjalan di atasnya.

“Sungai bukan warisan nenek moyang kita, tetapi kita meminjam daripada generasi akan datang. Adalah menjadi tanggungjawab kita memastikan supaya sungai-sungai bersih, boleh digunakan dan dinikmati,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Siew Heng berkata, sekiranya setiap rakyat Malaysia mempunyai kesedaran tinggi menjaga kebersihan sungai dengan tidak membuang sampah merata-rata, peruntukan untuk membersihkan sungai itu boleh digunakan untuk kegunaan lain yang lebih bermanfaat.

“Jumlah RM150 juta itu sangat besar sebenarnya, kalau semua orang jaga sungai dan tiada sampah yang perlu dikutip, peruntukan kerajaan itu boleh digunakan untuk bantu orang susah dan program sosial lain,”

katanya.

Dalam pada itu, jelas beliau, peruntukan RM150 juta itu hanya jumlah yang disalurkan menerusi jabatan itu dan tidak termasuk peruntukan kepada agensi lain.

“Peruntukan diagihkan ke setiap negeri mengikut keperluan yang mana kerja-kerja pemuliharaan akan dilakukan setiap tahun bagi sungai-sungai tercemar dan dua tahun sekali bagi yang kurang tercemar.

“Jika pencemaran air semakin teruk maka semakin kerap kerja-kerja pemuliharaan akan dilakukan sekaligus semakin banyak kos perlu dikeluarkan,” katanya.

Tambah Siew Heng, terdapat tiga daripada 13 sungai di 14 negeri yang terpilih dalam kempen “1Negeri 1Sungai” anjuran JPS bagi melibatkan sungai pada Tahap 3 dan 4 atau tercemar serta yang tidak menunjukkan perubahan dari segi pemu-

liharaan.

Menurutnya, antara sungai yang terlibat dalam kempen tersebut ialah Sungai Kinta di Perak, Sungai Pengkalan Chepa di Kelantan, Sungai Papar, Sabah dan Sungai Skudai, Johor.

“Kempen ini bertujuan memulihkan sungai tercemar dan kesinambungan “Kempen Cintai Sungai Kita” yang tamat pada 2003 serta dianggap gagal oleh segelintir pihak,” katanya.

Mengenai status kualiti air sungai, Siew Heng menjelaskan, ia terbahagi kepada lima kelas iaitu dari satu hingga lima berdasarkan penentuan indeks kualiti air (WQI).

Kualiti air diukur dengan menguji beberapa parameter utama iaitu pH (menguji tahap keasidan), oksigen terlarut (DO), permintaan oksigen biokimia (BOD), permintaan oksigen kimia (COD), jumlah pepejal terampai dan kandungan amoniakal-nitrogen.



AKIBAT tiada kesedaran di kalangan masyarakat, setiap hari pekerja kontrak ini terpaksa membersihkan sampah sarap di Sungai Kerayong, Kuala Lumpur.